

PENGAJIAN SYARIAH DAN PEMBINAAN TAMADUN ISLAM DI MALAYSIA

Nor Hayati Md Dahlal
Universiti Utara Malaysia

Mohd Izzuddin Mohd Noor
Kolej Universiti Islam Melaka

ABSTRAK

Artikel ini membincangkan tentang perkembangan sistem pengajian Syariah dan sumbangannya dalam membina tamadun Islam di Malaysia, bermula daripada abad yang ke -14 sehinggalah ke zaman moden. Ekoran daripada itu, artikel ini lebih merupakan usaha awal yang cuba menganalisa model-model yang sepatutnya diterapkan secara bersepadu di dalam pengajian syariah dalam pembinaan tamadun Islam di Malaysia. Bagi mencapai hasrat ini, kajian ini akan cuba menumpukan perhatian terhadap pengajian syariah di dalam pembinaan tamadun melayu, yang kemudiannya akan cuba dibandingkan dengan realiti pembaharuan sistem pendidikan Islam semasa di Malaysia.

Kata Kunci: *Pengajian Syariah, Tamadun Islam, Pendidikan Islam*

SYARIAH STUDIES AND ISLAMIC CIVILIZATION DEVELOPMENT IN MALAYSIA

ABSTRACT

This article discusses about the Syariah studies systems and its contributions in Islamic civilization in Malaysia from 14th century until the modern era. Hence, this article is the early effort to analyze the models of the system which should be absorbed comprehensively in Syariah studies in Islamic civilization development at Malaysia. In order to achieve this goal, this research will focus on Syariah studies in Malay civilization development and try to make comparison with the reality of the contemporary Islamic education systems in Malaysia.

Keywords: Shariah studies, Islamic civilization, Islamic studies

PENGENALAN

Pengajian syariah adalah bertujuan untuk membangunkan masyarakat manusia ke arah yang lebih baik di dunia dan akhirat, bukan hanya sekadar untuk menentukan hukum halal atau haram sahaja. Ia selaras dengan objektif syariah itu sendiri iaitu untuk menegakkan kebenaran dan keadilan dalam masyarakat.¹ Sebagaimana yang diketahui, syariah merupakan satu disiplin pengajian, telah dipergunakan konsepnya yang lebih sempit berbanding sejak awal perkembangannya. Setelah melalui beberapa perkembangan, secara umumnya ia mewakili aspek amali daripada pengajaran Islam. Berdasarkan ini juga ia membezakan antara syariah dan usuluddin di dalam disiplin pengajian.² Bersesuaian dengan perkembangan kehidupan manusia, maka sifat pengajian syariah itu tidak bersifat statik dan sebaliknya bersifat progresif, proaktif, fleksibel serta sentiasa bersedia untuk menerima sebarang perubahan mengikut keadaan dan kemampuan intelektual dan realiti hidup dengan mengambil kira peranan akal dan wahyu.³ Di dalam meneruskan kelestarian pengajian syariah, pelbagai usaha telah dijalankan bagi memastikan ianya terlaksana dengan adil meliputi pada semua masa, tempat dan lapisan masyarakat. Seperti mana halnya dengan disiplin pengajian moden yang kerap kali dikaji dan dinilai semula keberkesanannya berhadapan dengan tuntutan pasaran semasa dan proses pemodenan Malaysia, hal yang sama juga telah dikesan pengaruhnya di dalam bidang pengajian Islam.

¹ Mahmood Zuhdi Hj. Ab Majid (1997), "Pengajian Syariah : Satu Pentakrifan" dalam Mahmood Zuhdi Hj. Ab Majid (ed), *Dinanisme Pengajian Syariah*. Kuala Lumpur : Berita Publishing Sdn Bhd, h.1, Lihat juga Mahmood Zuhdi Hj. Ab Majid (1988), *Sejarah Pembinaan Hukum Islam*. Kuala Lumpur: Jabatan Penerbitan Universiti Malaya, h.5.

² Mahmood Zuhdi Hj. Ab Majid (1997), *op.cit*, h.3.

³ *ibid*

Rentetan dari itu, pelbagai institusi telah ditubuhkan dan pengajian syariah telah mendapat tempat di dalam disiplin pengajian. Walaubagaimanapun sarjana moden seringkali mempersoalkan dan mengaitkan paradigma pendidikan keagamaan yang lebih bersifat eksklusif (tertutup) kepada sesuatu bidang semata-mata dan tanpa memikirkan sumbangan besar yang dimainkan oleh bidang pengajian umum yang lebih bersifat multi-disiplin merangkumi pengajian keagamaan, moral, etika dan kemasyarakatan.⁴

PENGAJIAN SYARIAH DAN IMPAKNYA TERHADAP TAMADUN ISLAM DI MALAYSIA

Pengajian syariah di Malaysia secara khususnya lebih menjurus kepada pengajian Islam yang bermula dengan proses Islamisasi pada abad ke-14 masihi dan berkembang secara lebih formal pada abad ke-19 dengan terbentuknya institusi pondok di Kelantan, Kedah dan Terengganu. Sekiranya ditinjau pada sejarah pendidikan di Malaysia, ianya bermula dengan pendidikan Islam (Pendidikan al-Quran dan Pendidikan Agama Islam) yang disebarikan melalui pondok-pondok, rumah-rumah Tok Guru, masjid, surau, madrasah dan sebagainya. Kedatangan penjajah Barat, telah merubah dan menambah pendidikan sekular di wilayah jajahannya. Pendidikan Islam telah menjadi terpinggir selepas itu.⁵ Pengajian Islam di Malaysia telah mengalami perubahan pada tahun 50an dengan tertubuhnya sekolah-sekolah agama sejajar dengan perkembangan baru Pengajian Islam di seluruh dunia, terutama al-Azhar. Ia adalah bersifat lebih liberal kerana di samping subjek agama, subjek bukan agama seperti matematik, geografi dan sejarah turut dipelajari.⁶

Ketika Dato' Seri Anwar Ibrahim menyandang jawatan Menteri Pendidikan, beliau telah menyentuh tentang reformasi pendidikan dalam bukunya "*Menangani Perubahan*" yang berbunyi "*mengenai pendidikan ke arah membentuk insan, sehubungan itu dua mata pelajaran iaitu pendidikan agama Islam dan pendidikan moral telah dikenalpasti....*".⁷ Walaupun banyak reformasi pendidikan berlaku, hakikatnya pengajian Islam masih lagi tersisih.⁸ Pelbagai usaha-usaha perlu

⁴ Paizah Ismail, Idris Awang & Rahimin Affandi Abdul Rahim, (t.t), "*Paradigma Baru Pendidikan Islam Menangani Cabaran Globalisasi : Pengalaman Api,um*" Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam, hlm:2

⁵ Zainal Abidin Abdul Kadir (1987), "*Peranan Pendidikan Islam Dalam Kontek Masyarakat Majmuk*" Simposium Pendidikan Islam Bagi Guru-Guru Akademik dan Agama, Kuala Lumpur, h. 5.

⁶ Ahmad Sunawari Long *et.al.* (2001), "*Konsep Dan Halatuju Pendidikan Tinggi Islam Awam Dan swasta Di Malaysia*" Seminar Islam Di Pusat-Pusat Pengajian Tinggi ASEAN Ke-3 di Kolej Islam Melaka, 5-7 November 2001, h.1.

⁷ Wan Mohd Zahid Mohd Noordin (1989), "*Reformasi Pendidikan dan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah: Strategi Cabaran dan Harapan*", Simposium Gerakan Dakwah dan Perubahan Sosial, 17-18 November 1989, h.1.

⁸ Ghazali Darusalam (2001), *op.cit*, h. 118.

untuk membangunkan sistem fiqh Islam yang bersifat semasa di institusi membabitkan pengajian ilmu Islam. Ia adalah bermatlamatkan; pertamanya, melatih pelajar untuk menganalisis institusi Islam dan kaitannya dengan realiti semasa, berbanding dengan sistem pengajian ala Taqlid silam yang menggunakan pendekatan yang tidak kritikal, tertutup dan berasaskan latar belakang yang bukan bersifat Malaysia. Keduaanya, bentuk pengajian fiqh Malaysia ini dapat dijadikan sebagai asas utama untuk menyediakan infrastruktur intelektual sebelum sesuatu cita-cita negara Islam boleh tercapai.⁹ Wan Salim Wan Mohd Nor merupakan salah seorang tokoh yang berusaha keras menjelaskan konsep pendidikan Islam dan budaya ilmiah.¹⁰

Menurutnya lagi, pengajian Islam di institusi pengajian tinggi agak terbelakang berbanding pengajian lain kerana terdapat masalah di dalam kurikulum pengajian Islam, pensyarah dan bentuk penulisan ilmiah yang dihasilkan. Kurikulum yang bercorak tradisional telah menyebabkan jurang yang luas antara lulusan pendidikan Islam dengan lulusan pengajian lain.¹¹ Menurutnya lagi metod `Ilm al-Kalam dalam pendidikan Islam kita tidak lagi mampu memberi sumbangan dalam menguatkan iman dan membentuk peribadi para pelajar kerana terputus daripada realiti kehidupan zaman sekarang. Tafsiran al-Quran yang tidak rasional masa kini pula memerlukan kepada huraian yang jitu semasa pembelajaran.¹² Profesor Zulkifli Muhammad (1927-1964) pula telah menyuntikkan kesedaran perlunya alternatif Islam dalam menghadapi tentangan ilmu dan pendidikan Barat turut memberikan sumbangan dalam bidang ini.¹³ Kalau dirujuk kepada sejarah perkembangan Islam di Alam Melayu, kita menyaksikan bagaimana ulama Melayu telah bertindak sebagai intelektual ummah dengan menjadi pembasmi nilai-nilai feudalism dan adat pra-Islam yang berakar umbi di dalam kehidupan masyarakat melalui institusi pendidikan Islam.¹⁴

Rentetan daripada itu, satu trend baru dalam kaedah perjuangan Islam di sepanjang tahun 1990an; telah memberi kesan kepada kewujudan institusi pendidikan Islam. Trend ini mahukan perjuangan gerakan Islam bukan setakat dibuat dalam bentuk retorik semata-mata bahkan perlu disertakan dengan *blueprint* yang lengkap diterjemahkan dalam bentuk plan tindakan. Tidak kurang juga sumbangan pelbagai pertubuhan di dalam memperkembangkan pengajian Islam.

⁹ Rahimin Affandi Abd. Rahim (2002), "*Ke Arah Penyediaan Kaedah Penyelidikan Hukum Islam Terkini: Satu Pengenalan*" Jurnal Syariah, Jil. 10, Bil. 1, Januari 2002, H. 3.

¹⁰ Abdul Rahman Haji Abdullah (1997), *Pemikiran Islam Di Malaysia: Sejarah dan Aliran*, Jakarta: Gema Insani Press, h. 296.

¹¹ Rahimin Affandi Abd Rahim (1997), *op.cit*, h. 102.

¹² Wan Salim Wan Mohd Noor (1989), *op.cit*, h.14-15.

¹³ Abdul Rahman Haji Abdullah (1997), *op.cit*, h. 295.

¹⁴ Rahimin Affandi Abd. Rahim (2000), *op.cit*, h. 22-25.

Hasilnya telah tertubuhnya UIA, TASKA, TASKI¹⁵ ataupun umpamanya PAS banyak mendirikan PASTI, sekolah-sekolah dan kolej-kolej,¹⁶ penglibatan ABIM dalam penubuhan UIA,¹⁷ Maktab Perguruan Islam¹⁸ Institut Pengajian Islam (IPI), dan Akademi Sains Islam Malaysia (ASASI),¹⁹ institut pengajian menengah swasta “Yayasan Anda”, Sekolah Rendah Islam, Maahad al-Ummah,²⁰ serta tidak kurang juga sumbangan JIM menubuhkan Sekolah Rendah al-Amin, Kolej Jaipetra, Dakwah Training Institute IWC-JIM, Akademi Islah Malaysia, dan Institut al-Quran.²¹

Inisiatif daripada gerakan kebangkitan Islam telah melahirkan beberapa buah institusi pendidikan tinggi moden. Sejak awal lagi gerakan ini adalah gerakan yang bersifat pendidikan dan intelektual.²² Kebiasaannya di mana terdapat perkembangan Islam, pasti akan muncul tamadun yang menitik beratkan institusi pendidikan ilmu-ilmu Islam.²³

Gerakan kebangkitan Islam yang bermula era 1970an membawa kepada berkembangnya sistem pendidikan dan pengajian Islam, antaranya wujud kurikulum dan pendekatan Syariah yang memberi penekanan kepada aspek dan persoalan semasa. Terdapat pembaharuan dari segi kurikulum dan pendekatan pengajian Syariah di beberapa institusi tempatan seperti UKM, UIA dan UM.²⁴

Oleh yang demikian, gerakan kebangkitan Islam tahun 1980an dan pendekatan Fiqh Malaysia pula telah membawa kepada disiplin pengajian yang bersesuaian realiti Malaysia.²⁵ Chandra Muzaffar mentakrifkan kebangkitan Islam sebagai “ungkapan yang menggambarkan usaha menegakkan semula nilai-nilai Islam, amalan-amalan Islam, institusi-institusi Islam, undang-undang Islam, Islam

¹⁵ Rahimin Affandi Abd. Rahim (2000), “Fiqh Malaysia : Satu Tinjauan Sejarah” dalam Paizah Hj Ismail (et al), *Fiqh Malaysia Ke Arah Pembinaan Fiqh Tempatan Yang Terkini*. Kuala Lumpur: APIUM, h. 39.

¹⁶ Badlihisam Mohd Nasir (1999), “Metod Dakwah Gerakan Islam Tanahair: Sorotan Terhadap PAS, ABIM, dan JIM” Seminar Dakwah dan Gerakan Islam Alaf Baru, 10 Julai 1999, h. 4.

¹⁷ *Ibid.*, h. 5.

¹⁸ Prof. Madya Dr. Osman Bakar (1991), *Implikasi Gerakan Dakwah Ke Atas Sistem Pendidikan Negara Kini*” *Jurnal Pendidikan Islam*, Jil. 4, Bil. 1-2, April-Ogos 1991, h. 31-32.

¹⁹ *Ibid.* h. 28-29.

²⁰ M. Kamal Hassan (1996), *Towards Actualizing Islamic Ethical and Educational Principles In Malaysia Society*. Muslim Youth Movement of Malaysia, h. 112-113.

²¹ Badlihisam Mohd Nasir (1999), *op.cit*, h. 7-8.

²² Abdul Rahman Haji Abdullah (1997), *op.cit*, h. 225.

²³ Rahimin Affandi Abd Rahim (1994), “Reformasi Perundangan Islam di Malaysia : Antara Impian dan Realiti” *Jurnal Syariah*, Jil. 2, Bil. 1, Januari 1994, h. 2-3.

²⁴ Abdul Samat Musa (1995), “Pengajian Syariah dan Undang-Undang di Jabatan Syariah Fakulti Pengajian Islam UKM: Satu Analisis Ke Arah Pendekatan Profesional” *Jurnal Syariah*, Jil. 3, Bil. 1, Januari 1995, h. 135-136.

²⁵ Rahimin Affandi Abd. Rahim (2000), *op.cit*, 38-41.

seluruhnya dalam hidup umat Islam serata dunia.²⁶ Gerakan tajdid ini bertindak untuk menggerakkan fiqh Islam secara dinamis supaya dapat berjalan seiring dan seimbang dengan perubahan keadaan manusia yang disebabkan oleh faktor perubahan masa dan tempat. Namun begitu, perubahan yang dimaksudkan bukan bererti memodifikasi dan mengkoordinasikan sistem fiqh supaya berjalan seiring dengan pelbagai sistem yang ada tanpa melihat bagaimana ia beroperasi, bahkan tuntutan sebenar adalah menggerakkan fiqh supaya seiring dengan perubahan berdasarkan prinsip-prinsip dan lunas-lunas yang telah digariskan oleh syara'.²⁷

Gerakan ini juga telah membawa kepada perubahan pengajian Islam di Malaysia, antaranya:

1. Melahirkan Institusi Pendidikan Tinggi Islam Moden²⁸ seperti Yayasan Pengajian Tinggi Islam Kelantan,²⁹ Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya,³⁰ Fakulti Pengajian Islam UKM³¹ dan UIA.³²
2. Wujud Kurikulum Baru Pengajian Islam Yang lebih Moden dan Bersifat Semasa.³³
3. Penekanan Kepada Pengajian Islam Dalam Realiti Semasa.³⁴
4. Wujud Penyelidikan Hukum Islam Dengan Menggunakan Metodologi Moden.³⁵
5. Usaha Menghidupkan Gagasan Intelektual Pengajian Islam Dipergiatkan.³⁶
6. Penolakan kepada fanatik mazhab, meniupkan semangat ijtihad dengan menggunakan usul al-fiqh sebagai metodologi penyelidikan islam secara proaktif.³⁷

²⁶ Chandra Muzaffar (1988), *Kebangkitan Semula Islam di Malaysia*. Adibah Amin (terj.). Petaling Jaya: Fajar Bakti Sdn Bhd., h. 2.

²⁷ Rahimin Affandi Abd. Rahim (2002), *op.cit*, h. 5.

²⁸ Abdul Rahman Haji Abdullah (1997), *op.cit*, h. 225.

²⁹ Idris Awang (1994), "*Fakulti Syariah Akademi Islam Universiti Malaya: Satu Pengenalan*", *Jurnal Syariah*, Jil. 2, Bil. 1, Januari 1994, h.1.

³⁰ Buku Panduan Program Ijazah Dasar Tahun Akademik 2000/2001, h. 3.

³¹ Dr. Abdul Samat Musa (1995), "*Pengajian Syariah dan Undang-Undang di Jabatan Syariah Fakulti Pengajian Islam UKM: Satu Analisis Ke Arah Pendekatan Profesional*", h.124.

³² Abdul Rahman Haji Abdullah (1997), *op.cit*, h. 226.

³³ Mohd Kamil Abdul Majid (1996), "*Skop, Sejarah dan Aliran Pemikiran Islam*", *Jurnal Usuluddin*, Bil. 5, Disember 1996, h. 133.

³⁴ Rahimin Affandi Abdul Rahim (2000), *op.cit*, h. 39.

³⁵ Idris Awang (2001), *Kaedah Penyelidikan Satu Sorotan*. Kuala Lumpur: APIUM dan Intel Multimedia and Publications, h. VIII.

³⁶ Abdul Rahman Haji Abdullah (1997), *op.cit*, h. 229.

³⁷ Mahmood Zuhdi Abdul Majid (1994), *Beberapa Pemikiran Tentang Ijtihad, Islah dan Tajdid*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

ANALISA TERHADAP MODEL PENGAJIAN SYARIAH DI DALAM SEJARAH ISLAM MALAYSIA

Kajian mendapati dalam perkembangannya yang bersifat turun naik (*fluctuate*), pengajian Islam mengalami beberapa fasa. Dari paradigma dikotomis-atomistik pengajian Islam berkembang ke arah integratif interkonektif. Ia sesuai dengan perubahan yang pesat dalam kemajuan manusia. Hegemoni keilmuan yang berlangsung dalam waktu yang panjang belum memperlihatkan bibit kejayaannya. Proses Islamisasi yang dijalankan memperlihatkan beberapa kelemahan yang ketara. Justeru pendekatan integratif interkonektif lebih relevan untuk diaplikasi dalam program pembaharuan pengajian tinggi aliran Islam masa kini. Pendekatan ini merujuk kepada pengintegrasian satu bidang keilmuan dengan memanfaatkan bidang keilmuan lainnya di samping melihat kesaling terkaitan antara berbagai disiplin ilmu. Ia ke arah melahirkan insan yang mempunyai ilmu bersepadu dan mempunyai maklumat dalam tiap-tiap bidang yang berkaitan, di samping dapat menjana modal insan yang serba tahu walaupun tidak mendalam dalam disiplin ilmu yang lain dan menjamin prospek kerjaya yang lebih baik terhadap graduan pengajian Islam.

Kebanyakan kurikulum pengajian keilmuan Islam kini, pengajian fiqh seolah-olah telah dianggap sebagai pelajaran perundangan Islam semata-mata, bukan lagi mampu menangani isu semasa.³⁸ Perubahan-perubahan perlu dibuat terhadap program-program yang ditawarkan dalam disiplin ilmu syariah bersesuaian dengan wawasan pendidikan Islam yang bermatlamatkan pembentukan insan yang *kamil* (sempurna). Pengajian Syariah tidak boleh hanya tertumpu kepada melahirkan ilmuwan dalam bidang keagamaan sahaja. Apa yang jelasnya, ternyata subjek-subjek ilmu bukan agama (profane) seperti ilmu alam, biologi, matematik dan falsafah yang menjadi tunjang asas kepada pengembangan S&T kurang diterapkan secara bersepadu di dalam institusi-institusi tersebut.³⁹ Bahkan, mengikut kupasan sesetengah sarjana, di dalam sistem pengajian pendidikan Islam ini tumpuan khusus lebih diberikan kepada ilmu agama, khususnya ilmu fiqh dan pada masa yang sama telah wujud semacam pertentangan terhadap ilmu bukan agama. Hasil dari anjakan paradigma, dan kesedaran yang timbul, institusi seperti

³⁸ Rahimin Affandi Abd. Rahim (2002), "Epistemologi Hukum Islam : Satu Pengenalan" Jurnal Usuluddin, Bil. 15, Julai 2002, H. 58.

³⁹ Kata pengantar oleh Azyumardi Azra dalam Charles Michael Stanton, *Pendidikan Tinggi dalam Islam*, H. Afandi (terj.), Jakarta, 1994, hlm vii-viii dan h. 66-77.

KUIM⁴⁰ dan Kolej UNITI⁴¹ mula memasukkan subjek-subjek IT ke dalam pengajian agama. Walaupun diakui bahawa Islam secara dasarnya menekankan sifat kesepaduan ilmu dan tidak membezakan di antara ilmu agama dan bukan agama,⁴² tetapi secara realitinya, gabungan di antara kedua-dua ilmu ini kurang diberikan perhatian oleh institusi pendidikan Islam di zaman pertengahan, samada di Madrasah ataupun al-Jamiah.⁴³

Menurut Abdul Samat Musa, kurikulum baru pengajian syariah dan undang-undang di Jabatan Syariah Fakulti pengajian Islam UKM melahirkan pelajar yang mampu berjihad, dan lebih terdedah dengan perkembangan semasa. UIA pula telah menawarkan Diploma Undang-Undang dan Pentadbiran Kehakiman Islam bagi peringkat jangka pendek, dan kursus L.L.B (sarjana muda Undang-Undang) bersepadu dengan undang-undang Syariah dan Sivil bagi peringkat jangka masa panjang.⁴⁴ Manakala Pengajian Islam di Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya mengalami perkembangan sejak penubuhannya pada tahun 1981. Peringkat pertama (1981/82-1990/91) bermatlamat untuk melahirkan siswazah yang berkebolehan dalam syariah serta pengetahuan asas dalam undang-undang, ekonomi atau politik. Sistem ini hanya berupaya meluaskan satu bidang yang boleh dilibatkan oleh para siswazah iaitu pendidikan walaupun ada di antara mereka yang melibatkan diri dalam bidang-bidang lain tetapi tidak ramai. Pengetahuan mereka dalam syariah berpaksi menegak tetapi mendatar dalam bidang lain yang menyebabkan keupayaan mereka untuk bergerak di luar bidang pendidikan agak terhad. Siswazah yang lahir pada peringkat kedua (1991/92-1994/95) lebih berkemampuan secara akademik dalam syariah dan undang-undang, ekonomi, politik atau pengurusan. Peringkat ketiga pula melahirkan siswazah yang bukan sahaja mempunyai keyakinan akademik malah profesional dalam bidangnya.⁴⁵

Melalui Penyata Razak 1956, Ordinan Pelajaran 1957 dan Penyata Rahman Talib 1960, pendidikan Islam terus wujud dalam sistem pendidikan negara, setelah lebih 400 tahun mengalami zaman kegelapan di bawah penjajah. Pada tahun 1960-an hingga tahun 1970-an, golongan pelajar telah memperjuangkan supaya pelajaran agama Islam dan tamadun Islam diajar di pusat-pusat pengajian tinggi

⁴⁰ Nurdiana Azizan (2006), *Peranan ICT dalam mengendalikan kursus-kursus pengajian umum : kajian kes di KUIM*, Seminar Kebangsaan Pengajian Umum, Johor Bahru: Jabatan Pembangunan Sumber Manusia, Fakulti Pengurusan dan Pembangunan Sumber Manusia, Universiti Teknologi Malaysia, 13-14 Jun 2006,

⁴¹ Suraya Mohd Zin (2003), *Metodologi pengajian syariah di Kolej UNITI*, disertasi Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya

⁴² Seyyed Hossein Nasr (1987), *Science and Civilization in Islam*, Cambridge, h.60-61.

⁴³ Fadzulullah Hj. Shuib (1995), *Kecermelangan Ilmu Dalam Sejarah Dan Tamadun Islam*, Kuala Lumpur, h. 48-57.

⁴⁴ Rahimin Affandi Abd Rahim (1997), "Gerakan Tajdid di Malaysia" dalam Mahmood Zuhdi Hj. Ab Majid (ed), *Dinanisme Pengajian Syariah*. Kuala Lumpur : Berita Publishing Sdn Bhd, h. 104-105.

⁴⁵ Idris Awang (1995), "Perkembangan Pengajian di Fakulti Syariah Akademi Islam Universiti Malaya" *Jurnal Syariah*, Jil. 3. Bil. 2, Julai 1995, h. 3070308.

dan diwajibkan dalam peperiksaan.⁴⁶ Untuk konteks dunia moden ini, terdapat beberapa perkembangan yang boleh dikatakan sebagai cabaran utama bagi mewujudkan kelangsungan pengajian syariah di Malaysia. Sebaiknya, kesemua cabaran ini perlu ditangani secara terbuka dan proaktif yang bakal menunjukkan kerelevanan institusi pengajian syariah berhadapan dengan cabaran-cabaran ini. Antara cabaran yang dimaksudkan adalah:

1. Tohmahan negatif diberikan oleh media barat yang mempengaruhi masyarakat awam tentang kelemahan alumni pengajian syariah. Mereka kerap dikatakan sebagai seorang penghafal kandungan kitab klasik yang baik dan lebih pandai bercakap dan berkhotbah dan tidak tahu bertindak sebagai perancang dan organizer yang baik.⁴⁷
2. Kesungguhan anggota masyarakat Melayu-Islam memilih untuk menghantar anak-anak ke institusi pendidikan Islam, yang diiringi pula dengan keperluan IPTA/IPTS aliran Islam menyediakan gunatenaga yang kompeten untuk tujuan pembangunan di Malaysia, yang menjuruskan bukan setakat di dalam bidang agama, bahkan turut membabitkan bidang bukan agama, seperti pengurusan, ekonomi, S&T dan sebagainya. Setakat ini, terdapat kajian yang menunjukkan bagaimana sektor kerjaya luar di Malaysia memang memandang positif terhadap alumni pengajian Islam.
3. Cabaran era Globalisasi dan post modernism yang mencorakkan pandangan umum masyarakat tentang sistem pendidikan moden yang berbeza sifatnya daripada apa yang difahami sebelumnya. Dalam konteks ini, jelaslah bahawa pengajian syariah adalah merangkumi bidang pengajian keagamaan yang merumuskan tentang sistem kehidupan manusia. Oleh itu, Syariah merangkumi bidang yang meluas daripada bidang yang merangkumi undang-undang sahaja. Ianya merupakan sistem etika dan sistem nilai iaitu satu kaedah fleksibel yang digunakan untuk menyelesaikan masalah-masalah masa kini dan masa hadapan. Pengajian Syariah adalah bersifat dinamis yang mana ruang lingkungannya berkembang dari masa ke semasa mengikut keperluan masyarakat dan pengajian itu sendiri.

⁴⁶ Ghazali Darusalam (2001), *Pedagogi Pendidikan Islam*. Selangor: Utusan Publications and Distributors Sdn. Bhd., h. 105-106.

⁴⁷ Lihat Ahmad Ibrahim (1980), *Legal Education In Malaysia*, Singapore, h. 32-38.

Daripada konsep pengajian syariah itu, dalam dunia yang moden ini pengajian syariah semakin berkembang dari masa ke semasa. Ianya adalah sejajar dengan cabaran yang turut timbul dalam beberapa bentuk kesedaran baru yang muncul di era globalisasi ini iaitu :

1. Kesedaran tentang kegagalan sistem pemikiran barat yang berteraskan fahaman sekularisme dari segenap segi di dalam menghasilkan bentuk kehidupan yang bahagia kepada umat manusia⁴⁸,
2. Kesedaran tentang peri pentingnya semua agama besar di dunia bersatu untuk menanggapi hegemoni (pengaruh atau dominan sesebuah negara atas negeri-negeri lain) fahaman sekularisme bentuk baru yang dibawakan oleh fenomena globalisasi⁴⁹,
3. Kesedaran ilmiah yang bersifat global dikenali dengan gerakan post-modernism - yang mempersoalkan kesemua konsep ilmu dan kerangka pemodenan barat silam, khususnya pendekatan yang terlalu menekankan subjek sains moden dan menafikan peranan subjek bidang kemasyarakatan. Seandainya Modernism tajaan barat menekankan prinsip pemisahan (differentiation) dan pemandirian (autonomization) semua aspek kehidupan daripada agama, gerakan post-modernism pula yang kecewa dengan modernism silam cuba untuk memterbalikkan hal ini dengan menerapkan prinsip dedifferentiation (rujuk kembali) kepada agama.⁵⁰ Gerakan ini lebih menumpukan perhatian untuk menyatupadukan kesemua bidang ilmu yang diperlukan oleh umat manusia moden⁵¹ dan kesedaran tentang salahnya pandangan yang menisbahkan paradigma keilmuan barat, khususnya S&T sebagai bermanfaat, penuh dengan nilai kemanusiaan dan *value free* (bebas daripada nilai dan kepentingan). Ianya ternyata tidak bersifat *value free* kerana dibina dan dibangunkan penuh dengan pelbagai kepentingan tertentu; seperti kepentingan ekonomi Negara kuat,⁵² kepentingan

⁴⁸ Muhammad Kamal Hasan (2001), *Intellectual discourse at the end of the second Millennium : Concerns of a Muslim-Malay CEO*, Kuala Lumpur : UIAM, h.113-116.

⁴⁹ Lihat Rahminah Muharam (2000), " *Hubungan Islam dan Kristian dalam konteks dokumen Vatikan 11* ", dalam Pemikir, Oktober-Disember 2000, h.202-212.

⁵⁰ Kuntowijoyo (2003), " *Epistemologi dan paradigma ilmu-ilmu Humaniora dalam perspektif pemikiran Islam* ", dalam Akh. Minhaji(ed.) *Menyatukan kembali ilmu-ilmu agama dan umum : upaya mempertemukan Epistemologi Islam dan Umum*, Yogyakarta : Sunan kalijaga press, h. 66-67.

⁵¹ Lihat Abdul Rahman Embong (2000), " Wacana globalisasi ", Noraini Othman dan Sumit Mandal (ed.), dalam *Malaysia menanggapi globalisasi : peserta atau mangsa*, Bangi : Penerbit UKM, h.23-25.

⁵² Mahathir Mohamad (2002), *Globalization and the new realities*, Kuala Lumpur : Pelanduk publication, h.21-23.

ketenteraan kuasa nuclear barat⁵³ dan kepentingan kebudayaan barat (Orientalism).⁵⁴

Setelah Kedatangan era globalisasi ini pelbagai perubahan yang cukup besar dalam segenap aspek kehidupan manusia moden merangkumi aspek sosial,⁵⁵ ekonomi,⁵⁶ budaya,⁵⁷ politik,⁵⁸ jati diri,⁵⁹ kepenggunaan,⁶⁰ kesedaran gender⁶¹ dan yang paling penting sekali adalah aspek pendidikan tinggi. Sekiranya ditinjau kepada perkembangan gerakan tajdid di Malaysia ianya adalah berdasarkan kepada institusi utama iaitu bagi pihak kerajaan dan institusi pengajian tinggi.⁶² Daripada itulah kita dapati perubahan atau reformasi pengajian syariah di mana jua pelusuk institusi pengajian tinggi (IPT) samaada IPTA atau IPTS amat membanggakan dan memberangsangkan yang mana ianya telah diakui oleh beberapa sarjana yang telah membuat kajian mengenai reformasi pengajian syariah ini.⁶³

Daripada penelitian kajian yang telah dilakukan oleh sarjana-sarjana terdapat beberapa faktor yang mendorong reformasi pengajian syariah ini antaranya iaitu **pertamanya**; dengan pengaruh tajdid daripada timur tengah yang mana Gerakan Islam Muda pada tahun 1920-an dan 1930-an yang diwakili oleh lulusan Timur Tengah yang terpengaruh dengan aliran salafiyah (suatu aliran yang berjuang ke arah mengembalikan umat Islam kepada pegangan dan cara hidup generasi pertama, khususnya dari zaman Rasulullah dan sahabat⁶⁴) di bawah pengaruh mujaddid iaitu Muhammad Abduh, Muhammad Rashid Reda dan Jamaluddin al-Afghani.⁶⁵ Walaubagaimanapun, pengaruh Timur Tengah ini mempengaruhi

⁵³ Ali M. Mazrui (2002), “ *The ethics of war and the rhetoric of politic : The West and the rest* “, dalam *Islamic Millenium*, v. 2, no. 2, January-March 2002, h.1-10.

⁵⁴ Edward Said (1979), *Orientalisme*, New York : Vintage Books.

⁵⁵ Lihat Shaharom TM Sulaiman (2001), “ Budaya Hiper Dan Ekstasi Gaya Hidup Remaja Dalam Era Siber “, dalam *Jurnal YADIM*, bil. 2, 2001, h.1-12.

⁵⁶ Khoo Boo Teik (2002), “ Nationalism, capitalism and Asian values “, dalam *Democracy in Malaysia; discourse and practices*, Richmond, Surrey, h.70-73.

⁵⁷ Lihat Salasiah Abd. Wahab (2001), “ Madonna, Pascamoden dan Kebudayaan Populer “, dalam *Jurnal YADIM*, bil. 2, h.15-20.

⁵⁸ Abdul Rahman Embong (2000), “ Wacana globalisasi “, dalam *Malaysia menangani globalisasi : peserta atau mangsa*, UKM Bangi, h.27-28.

⁵⁹ Siddiq Fadhil (2001), “ Ledakan maklumat, revolusi komunikasi dan globalisasi : implikasi terhadap jati diri “, dalam Sharifah Azizah Sahil Jamalullail (ed.), *Teknologi Maklumat dan komunikasi : harapan, cabaran dan barakah*, Alor Setar: INSANIAH, 2001, h.62

⁶⁰ Hassan Langgulung (1993), *Menghadapi abad kedua puluh satu*, Syarahan Perdana jawatan Profesor Universiti Kebangsaan Malaysia, pada 29 Oktober 1987, Selangor:Bangi, h.31.

⁶¹ Rahimin Affandi Abd. Rahim, “ Persoalan gender di dalam perundangan Islam di Malaysia: satu analisis ringkas “, dalam (Edit oleh Raihanah Abdullah) *Wanita dan Perundangan Islam*, Kuala Lumpur : Ilmiah Publishers, 2001, h. 1-15.

⁶² Rahimin Affandi Abd Rahim (1997), *op.cit*, h.93

⁶³ Rahimin Affandi Abdul Rahim (2005), “Isu pendekatan di dalam pengajian Syariah”, *Jurnal Syariah*, Jil: 13, Bil: 1, Jan-Jun 2005, h. 105

⁶⁴ Abdul Rahman Hj Abdullah (1987), “pemikiran Islam masa kini; sejarah dan aliran”, Kuala Lumpur: AG Grafik Sdn. Bhd. H. 16

⁶⁵ Rahimin Affandi Abdul Rahim (2001), *op-cit*, h. 94

pemuda melayu yang mendapat didikan sekolah barat dan keduanya berganding bahu untuk menyebarkan islah ini.⁶⁶ Hasil daripada perubahan atau reformasi pendidikan Islam yang berlaku di timur tengah dapat menyaksikan kejayaan dalam usaha reformasi bukan hanya bergantung kepada usaha-usaha pembangunan dari aspek materialisme bahkan yang lebih penting lagi adalah dalam percambahan idea-idea kreatif yang berteraskan penjanaaan idea-idea baru Islam dalam menghadapi kemajuan negara di era global yang banyak mencabar masyarakat hari ini.⁶⁷ **Kedua;** gagasan kebangkitan semula Islam dalam bentuk membina⁶⁸ pada tahun-tahun 1980-an ke atas, usaha reformasi institusi pendidikan secara amnya dan sistem pendidikan Islam khususnya dan **ketiganya;** kesedaran reformasi melayu semasa yang mengamalkan pendekatan autorkritik terhadap kelemahan Institut pengajian Islam.⁶⁹

KESIMPULAN

Hasil daripada kajian dan penelitian serta ijtihad yang banyak berlaku, pengajian syariah telah berkembang sejak generasi dahulu hinggalah kini. Ianya adalah daripada fahaman para fuqaha terhadap kehendak syariah yang terkandung dalam al-Quran dan al-Sunnah. Kefahaman ini sentiasa berkembang mengikut keadaan, kemampuan intelektual dan realiti hidup. Setelah melalui beberapa perkembangan ini, secara umumnya pengajian syariah ini mewakili aspek amali atau paktikal bagi setiap individu Islam dan ianya tidak hanya tertumpu pada hal-hal yang berkaitan dengan akhlak, akidah dan sebagainya. Apa yang difahami dengan aspek amali atau praktikal ini ialah setiap apa yang berkaitan dengan perbuatan seseorang mukallaf baik dari segi metafizikal, moral dan spiritual. Oleh yang demikian, dapat dikatakan bahawa pengajian syariah di IPTA aliran Islam di Malaysia bolehlah dianggap telah mencapai momentum yang agak baik sekali, khususnya sejak timbulnya kesedaran kebangkitan semula Islam. Pelbagai usaha membangunkan dan meningkatkan lagi mutu pengajian syariah supaya bersesuaian dengan keadaan semasa.

⁶⁶ Adnan Hj Nawang (1985), "pemikiran awal Za'ba untuk perubahan keadaan masyarakat melayu", dalam Warisan dunia melayu:teras peradaban Malaysia, Kuala Lumpur, h.190-207

⁶⁷ Louay M. Safi (1998), *Truth and Reform: Exploring the Patterns and Dynamics of Historical Change*, Kuala Lumpur: Open Press Publication, h. 95

⁶⁸ Muhammad Abu Bakar (1987), "Penghayatan sebuah Idea", Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h.9-11 dan 15-19

⁶⁹ Rahimin Affandi Abdul Rahim (2003), " Islam dan Perkembangan Emosi Melayu Selepas Merdeka: Satu Analisis" daripada Kertas Kerja Seminar Antarabangsa Pengajian Melayu –Emosi Melayu Di Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya, 12 Julai 2003.

BIODATA PENULIS

Nor Hayati Bt Md Dahlal memperoleh Ijazah Sarjana Syariah dari Universiti Malaya dan Ijazah Sarjana Muda kepujian Syariah Islamiah dari Universiti Al-Azhar . Kini melanjutkan pelajaran keperingkat PhD di Universiti Utara Malaysia.

Mohd Izzuddin Bin Mohd Noor memperoleh Ijazah Sarjana Muda Ilmu Wahyu dan Warisan Islam (Fiqh dan Usul Fiqh) dengan kepujian, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia. Kini berkhidmat sebagai pensyarah Akademi Pengajian Islam di Kolej Universiti Islam Melaka.

RUJUKAN

- Abdul Rahman Embong (2000), “Wacana globalisasi”, dalam Malaysia menanggapi globalisasi: peserta atau mangsa, UKM Bangi.
- Abdul Rahman Haji Abdullah (1997), *Pemikiran Islam Di Malaysia: Sejarah dan Aliran*, Jakarta: Gema Insani Press.
- Abdul Rahman Hj Abdullah (1987), “pemikiran Islam masa kini; sejarah dan aliran”, Kuala Lumpur: AG Grafik Sdn. Bhd.
- Adnan Hj Nawang (1985), “pemikiran awal Za’ba untuk perubahan keadaan masyarakat melayu”, dalam *Warisan dunia melayu:teras peradaban Malaysia*, Kuala Lumpur.
- Chandra Muzaffar (1988), *Kebangkitan Semula Islam di Malaysia*. Adibah Amin (terj.). Petaling Jaya: Fajar Bakti Sdn Bhd
- Hassan Langgulung (1993), *Menghadapi abad kedua puluh satu*, Syarahan Perdana jawatan Profesor Universiti Kebangsaan Malaysia, pada 29 Oktober 1987, Selangor: Bangi.
- Louay M. Safi (1998), *Truth and Reform: Exploring the Patterns and Dynamics of Historical Change*, Kuala Lumpur: Open Press Publication.
- Mahmood Zuhdi Abdul Majid (1994), *Beberapa Pemikiran Tentang Ijtihad, Islah dan Tajdid*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- M. Kamal Hassan (1996), *Towards Actualizing Islamic Ethical and Educational Principles In Malaysia Society*. Muslim Youth Movement of Malaysia.
- Muhammad Abu Bakar (1987), “Penghayatan sebuah Idea”, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Paizah Ismail, Idris Awang & Rahimin Affandi Abdul Rahim, (t.t), “Paradigma Baru Pendidikan Islam Menanggapi Cabaran Globalisasi : Pengalaman Api,um” Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam.
- Rahimin Affandi Abd. Rahim, “Persoalan gender di dalam perundangan Islam di Malaysia: satu analisis ringkas “, dalam (Edit oleh Raihanah Abdullah) *Wanita dan Perundangan Islam*, Kuala Lumpur: Ilmiah Publishers, 2001.
- Rahimin Affandi Abdul Rahim (2003), “Islam dan Perkembangan Emosi Melayu Selepas Merdeka: Satu Analisis” daripada *Kertas Kerja Seminar Antarabangsa Pengajian Melayu –Emosi Melayu Di Akademi Pengajian Melayu*, Universiti Malaya.
- Rahimin Affandi Abdul Rahim (2005), “Isu pendekatan di dalam pengajian Syariah”, *Jurnal Syariah*, Jil: 13, Bil: 1, Jan-Jun 2005.